

Sindiket salah guna cop sempadan

3 lagi pegawai imigresen, termasuk timbalan pengarah di KLIA ditahan

Muka 17

Sindiket salah guna cop sempadan

Timbalan pengarah antara 3 ditahan

53 sudah ditangkap menerusi Ops Selat sejak 16 November lalu

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga lagi pegawai imigresen, termasuk seorang berpangkat Timbalan Pengarah yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berhubung siasatan kes rasuah membabitkan cop sempadan.

Ketiga-tiga mereka berusia antara 38 hingga 54 tahun ditahan

lewat petang kelmarin di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya, selepas dipanggil memberikan keterangan.

Sumber berkata, hingga kini seramai 53 orang sudah ditahan berkaitan sindiket rasuah dalam urusan cop imigresen di pintu masuk antarabangsa negara menerusi Ops Selat sejak 16 November lalu.

“Ini termasuk 33 pegawai imigresen yang bertugas di KLIA, klia2 dan Bangunan Sultan Ismail, Johor Bahru.

“Ketiga-tiga mereka yang dita-



Kereta mewah milik pegawai imigresen yang disita SPRM. (Foto ihsan SPRM)



han dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, untuk permohonan reman mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, SPRM turut mengemukakan permohonan untuk menyambung perintah reman 10 suspek lain dan membebaskan dengan jaminan dua orang awam yang terbabit membenarkan akaun mereka digunakan untuk transaksi rasuah.

Sebelum ini, seramai 50 individu ditahan dalam Ops Selat membabitkan 28 pegawai imigre-

Ketiga-tiga mereka yang ditahan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, untuk permohonan reman mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah.

Sumber

sen, 17 ejen pekerja asing dan lima orang awam.

Lebih RM800,000 wang tunai, 26 kereta mewah dan empat motosikal berkuasa tinggi dirampas dalam operasi berkenaan.

SPRM berkata, penahanan semua suspek adalah berkaitan siasatan sindiket urusan khidmat cop sempadan.

Sindiket itu dipercayai membabitkan rangkaian aktiviti jenayah penyeludupan antarabangsa khusus dari China, Vietnam, Indonesia dan Bangladesh.